

AKADEMIK

PERSIDANGAN 'ASIAN CONFERENCE ON PSYCHOLOGY 2013', OSAKA, JEPUN



Osaka, Jepun

Pada 28 hingga 31 April 2013, saya dan beberapa orang pensyarah daripada Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial telah berpeluang untuk mengikuti persidangan psikologi yang bertajuk "The 3rd Asian Conference on Psychology and the Behavioral Sciences" yang bertempat di Hotel Ramada Osaka, Jepun. Persidangan yang dianjurkan serentak dengan "The 3rd Asian Conference on Ethics, Religion and Philosophy" ini telah dihadiri hampir 300 orang delegasi daripada seluruh dunia. Pengisian program melibatkan seminar (*featured speech*), sesi pembentangan *oral*, pembentangan poster, dan pembentangan secara *virtual*. Persidangan ini diberi tema "Connectedness and Alienation: The 21st Century Enigma" untuk mendedahkan kepada masyarakat umum mengenai unsur-unsur ironis masyarakat kini iaitu walaupun dipacu oleh arus teknologi komunikasi tetapi masih lagi hidup terasing. Misalnya, akses telekomunikasi masyarakat Jepun adalah yang tercanggih di dunia termasuklah dalam sistem penjagaan sosial orang-orang tua, namun dilaporkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara akses komunikasi dengan kes kesunyian dalam kalangan warga emas. Di samping itu, persidangan ini turut mengetengahkan isu-isu terkini dalam penyelidikan dan teori psikologi.

Saya dan rakan-rakan setugas turut berpeluang membentangkan kertas kerja masing-masing di persidangan ini. Selama empat hari berada di Osaka, pelbagai acara hiburan kebudayaan dan kesenian masyarakat Jepun disediakan oleh pihak penganjur, seperti tarian etnik dan paluan gendang yang dipersembahkan oleh sekumpulan pelajar sekolah menengah, adat minum teh (*tea ceremony*), dan seni kaligrafi Jepun. Pada hari terakhir kami berada di negara matahari terbit ini, para delegasi dibawa melawat daerah Kyoto untuk menikmati suasana musim bunga di sana. Kami cukup bertuah kerana berpeluang untuk mengabadikan kenangan di saat bunga sakura berkembang mekar.



Pensyarah SPKS Cik Mazni Mustapha (sebelah kiri) di Osaka, Jepun

Pensyarah Program Pembangunan Belia dan Komuniti

Penemuan

Profesor Robert J. Taormina, daripada University of Macau, Macao telah menerangkan beberapa anamoli budaya yang ditemuinya dalam pengukuran mengenai Percaya (Trust). Pertama, beliau mencadangkan bahawa pengukuran 'Percaya' yang digunakan kepada ahli keluarga terutama ibu bapa dikeluarkan dari pengukuran. Hal ini kerana, menurut beliau budaya orang Cina meletakkan penghormatan tinggi kepada ibu bapa dan mereka secara tersedia adalah *trusted group*. Beliau turut mencadangkan bahawa dalam penyelidikan yang menggunakan pengukuran 'Percaya' adalah lebih baik ianya ditujukan kepada individu yang bukan daripada kalangan ahli keluarga agar tidak timbul soal *bias* dalam dapatan kajian. Kedua, orang Asia dikatakan tidak selesa untuk membantah (*disagreeing*). Oleh itu disarankan agar *negative wording* tidak seharusnya digunakan dalam soal selidik. Ketiga, beliau melihat jawapan skala Likert harus dilabel pada setiap peringkat, sekurang-kurangnya menggambarkan 3 peringkat, contohnya 'Percaya yang tinggi', 'Percaya yang sederhana' dan 'Percaya yang rendah' dalam skala pengukuran satu-item. Pendekatan ini menjadikan skala pengukuran itu lebih 'mesra' dan tidak mengelirukan responden. Keempat, beliau mengaitkan beberapa kesilapan (*fallacy*) dalam item dalam soal selidik seperti penggunaan perkataan *most of* (kebanyakan) yang dikhuatiri mengelirukan dan membebankan responden dan dicadangkan agar dielakkan penggunaannya.

Profesor Taormina menegaskan bahawa penyelidik harus peka kepada sensitiviti budaya masyarakat setempat dan perlu mengetahui aspek yang bersifat setempat serta aspek yang bersifat *international psychology* sebelum melaksanakan sesuatu penyelidikan yang membandingkan tingkah laku individu dalam budaya yang berbeza.



AP Dr. Mohd Dahlan (tengah) terlibat dalam Persidangan di Osaka, Jepun

Implikasi kepada UMS

Persidangan ini menyuntik idea baru kepada UMS mengenai fokus, tema persidangan dan wacana ilmu untuk pelaksanaan persidangan pada masa akan datang. Pembentangan secara maya atau *virtual* adalah perkara yang baru bagi saya. Pembentangan secara *virtual* ini adalah salah satu kaedah yang boleh dimasukkan bagi pengisian program dalam persidangan yang diajurkan oleh UMS. Ianya boleh dilaksanakan untuk menggalakkan penyertaan daripada luar negara. Justeru, pihak UMS perlu meningkatkan kemampuan sistem komunikasi dan teknologi maklumat yang sedia ada agar ianya selari dengan standard *international* yang dilaungkan.



Belia di Osaka, Jepun

Implikasi kepada SPKS

Secara umumnya, persidangan ini memberi pelbagai idea kepada pengembangan bidang tujuan penyelidikan di bawah program Pembangunan Belia dan Komuniti. Pendekatan/tujuhan program adalah cenderung kepada *applied social psychology*. Hal ini disebabkan sifat program ini yang agak rencam kerana kepakaran setiap pensyarah program yang berbeza-beza. Bersesuaian dengan tujuan program ini, penyertaan ke persidangan Asian Psychology seumpama ini dapat dimanfaatkan oleh pensyarah program kerana ia banyak memuatkan aspek-aspek *applied research* dalam psikologi sosial dan kesihatan. Memandangkan kesihatan mental adalah di antara tujuan bidang penyelidikan di SPKS, saya berpendapat ilmu yang diperoleh daripada persidangan ini amat bermakna bagi membantu kerja-kerja penyelidikan mengenai kesejahteraan individu dalam konteks silang budaya dan bersifat *value-added* kepada kurikulum yang sedia ada.

